



TEKS UCAPAN

**PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

SEMPENA

**BENGKEL PENGUKUHAN SISTEM EFIES 2.0 BALAI-BALAI JBPM KUALA
LUMPUR TAHUN 2025.**

PADA

20 OGOS 2025 (RABU)

MASA

4:00 PAGI

TEMPAT

COMMUNITY LEARNING CENTER, JBPM KUALA LUMPUR.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera,

Salam Jabatan Bomba Berperestasi Tinggi Cepat & Mesra,

Salam Bomba KL Metropolitan dan

Salam Malaysia Madani.

Yang dihormati,

Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
PgKB I MOHD HAMIZAL BIN AINUDDIN @ NORDIN

Penceramah PgKB II MUHAMAD HAFIDZ BIN YAACOB

dan fasilitator untuk program ini.

Dan peserta kursus **Bengkel Pengukuhan Sistem eFies 2.0** yang saya
kasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya,

kita dapat berkumpul pada hari ini dalam majlis penutupan **Bengkel Pengukuhan Sistem eFies 2.0 Balai-Balai JBPM Kuala Lumpur Tahun 2025.**

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua penceramah, urusetia serta para peserta yang telah menjayakan bengkel ini dengan penuh komitmen dan kesungguhan.

PENDAHULUAN OBJEKTIF BENGKEL

Hadirin sekalian,

Penganjuran bengkel ini amat penting kerana ia bertujuan untuk:

1. Memastikan semua pegawai bomba mematuhi tatacara pemeriksaan **Alat Pemadam Api (APA)** mengikut *Arahan Keselamatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2012*.
2. Memberi kefahaman serta kemahiran penggunaan sistem **eFies 2.0** yang kini digunapakai oleh Jabatan.
3. Memberi pendedahan khusus kepada pegawai-pegawai bomba baharu yang bakal dilantik sebagai **Pegawai Pemeriksa APA**.

Pelaksanaan & Pengisian

Bengkel ini dilaksanakan dalam dua pendekatan utama iaitu teori dan praktikal.

- Dari aspek teori, para peserta diberikan pencerahan berhubung *Arahan Keselamatan Kebakaran*, serta piawaian **MS 1539** yang merangkumi pemilihan, pemasangan dan penyelenggaraan APA.
- Dari sudut praktikal pula, pegawai diuji secara langsung dalam penyelenggaraan **APA jenis ABC (debu kering)** dan **APA jenis CO₂**.
- Pendekatan sebegini diyakini mampu memperkukuh kompetensi pegawai kita, bukan sahaja dari segi pengetahuan tetapi juga kemahiran teknikal.

Isu-isu Utama

Tuan-tuan dan puan-puan,
Seperti yang kita maklum, masih terdapat beberapa isu berbangkit dalam pelaksanaan pemeriksaan APA di pusat-pusat eFies. Antaranya:

- Kurangnya kemahiran pegawai menyebabkan proses pemeriksaan mengambil masa yang lama.
- Terdapat kontraktor yang membawa APA tidak diselenggara untuk mendapatkan stiker JBPM.
- Ada juga kes pengeluaran stiker walaupun APA tidak menepati spesifikasi jabatan.

- Lebih serius lagi, terdapat pengeluaran stiker tanpa kehadiran fizikal APA, yang merupakan kesalahan besar dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa perkara sebegini tidak boleh dipandang ringan. Integriti dan profesionalisme kita adalah kunci kepada keselamatan masyarakat.

Harapan

Melalui bengkel ini, saya berharap:

1. Semua urusan pemeriksaan APA di pusat eFies JBPM Kuala Lumpur dapat berjalan lancar serta mengikut prosedur yang ditetapkan.
2. Semua pegawai bomba JBPM KL akan lebih mahir mengenai spesifikasi dan proses penyelenggaraan APA, setaraf dengan Competent Person (CP) yang dilantik oleh Jabatan.
3. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi ini akan memberi nilai tambah kepada pegawai, termasuk membuka peluang kerjaya sebagai *Competent Person* apabila bersara kelak.

Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat menjayakan bengkel ini. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam menjalankan tugas dengan lebih cekap, berintegriti dan profesional.

Dengan itu,
dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,
saya dengan sukacitanya merasmikan majlis penutupan
Bengkel Pengukuhan Sistem eFies 2.0 Balai-Balai JBPM Kuala Lumpur Tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ، وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Wabillahi taufiq wal hidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.